

'Mana subsidi petrol bersasar?'

Pemuda UMNO tagih janji Belanjawan 2019

NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Pemuda UMNO mendesak Menteri Kewangan, Lim Guan Eng tampil menjelaskan status terkini pelaksanaan sistem subsidi petrol bersasar bagi RON95 seperti yang dijanjikan dalam Belanjawan 2019 lalu.

Ketuanya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, berdasarkan pembentangan bajet oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) lalu, sejumlah RM12 bilion telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Bagaimanapun, kata-

Subsidi petrol bersasar diumumkan Isnin ini

KUALA LUMPUR - Program subsidi petrol bersasar akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak, bukan menggunakan kad subsidi seperti yang dikatakan sebelum ini.

Menurut sumber, penerima adalah terdiri daripada mereka yang berada dalam senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan berdaftar.

"Dianggarkan sebanyak dua juta penerima layak menerima subsidi berkenaan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail akan mengumumkan butiran penuh mengenai pada Isnin ini," katanya di sini semalam.

Difahamkan, pihak Kementerian sudah memberi taklimat kepada Perdana

Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian Kewangan berhubung perkara tersebut dan sudah mendapat persetujuan.

Sumber itu berkata, program yang sepatutnya diumumkan pada suku kedua tahun ini seperti diumumkan sebelum ini mengambil masa kerana beberapa isu berbangkit.

"Antaranya pengumpulan data yang memerlukan penyelidikan, seperti silang semak, data BSH serta data daripada pelbagai agensi dan jabatan berkaitan.

"KPDNHEP juga telah selesai membuat kajian dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat pembekal petrol, syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan kepenggunaan," jelasnya.

PH tidak boleh lagi berda-
 lih dalam mengotakan jan-
 ji Belanjawan 2019 sebagai-
 mana seringkali mereka
 lakukan akibat gagal me-
 laksanakan janji manifesto
 tegaskan bahawa kerajaan

Pilihan Raya Umum (PRU).

"Ini kerana subsidi pet-
 rol telahpun dibahaskan
 dan diluluskan oleh Parli-
 men bagi Belanjawan 2019
 dan rakyat khususnya un-

tuk kumpulan B40 yang
 kini tertekan dengan kos
 sara hidup amat menanti-
 kan janji PH kali ini.

"Jadi, Guan Eng perlu
 menjelaskan status pelak-
 sanaan sistem subsidi pet-
 rol bersasar bagi RON95
 secepat mungkin bagi
 menghormati komitmen
 Belanjawan 2019," kata-

nya dalam satu
 kenyataan yang
 dimuat naik di
 laman Facebo-
 ok miliknya
 semalam.

Pada Be-
 lanjawan 2019

yang dibentangkan Guan
 Eng pada November tahun
 lalu menyatakan, pemilik
 kereta berkapasiti enjin
 1,500cc dan motosikal ber-
 kapasiti enjin 125cc akan
 menikmati subsidi petrol
 RON95 sebanyak 30 sen
 seliter.

Menerusi mekanisme
 subsidi itu, pemilik kereta
 akan menerima sub-
 sidi petrol RON95
 terhad kepada
 100 liter bagi pe-
 milik kereta dan
 40 liter bagi
 motosikal.



ASYRAF